



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH AL-ARQAM TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI GLOBAL IKHWAN SDN BHD, 1994-2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH AL-ARQAM TERHADAP PERKEMBANGAN
SOSIOEKONOMI GLOBAL IKHWAN SDN BHD,
1994-2015**

RAHMAN BIN ARIFAI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan &
Kerja Kursus
Doktor Falsafah

	✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 18 hari bulan Jun 2021

i. Perakuan pelajar

Saya, **Rahman bin Arifai, M20182002199, Fakulti Sains Kemanusiaan** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **Pengaruh Al-Arqam Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Global Ikhwan Sdn. Bhd, 1994-2015** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, abstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

عبد الرحمن
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan penyelia

Saya **Professor Dr. Haji Ishak Saat** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Pengaruh Al-Arqam Terhadap Perkembangan Sosioekonomi Global Ikhwan Sdn. Bhd, 1994-2015** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institusi Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Mod Penyelidikan.


PROFESSOR DR. ISHAK BIN SAAT
Professor
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tandatangan Penyelia

Tarikh: 18/6/2021





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /

Tajuk / Title: **PENGARUH AL-ARQAM TERHADAP PERKEMBANGAN
SOSIOEKONOMI GLOBAL IKHWAN SDN. BHD, 1994-2015**

No. Matrik / Matric's No.: **M20182002199**

**NG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

**PENGARUH AL-ARQAM TERHADAP PERKEMBANGAN
SOSIOEKONOMI GLOBAL IKHWAN SDN. BHD, 1994-2015**

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris

RAHMAN BIN ARIAFI

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.

The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.

The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran

ntara Institusi Pengajaran Tinggi.

The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

عبد الرحمن ابراهيم

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROFESSOR DR. ISHAK BIN SAAT

Professor

Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

ila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:

Tarikh: 17 Januari 2022

SULIT/CONFIDENTIAL

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT/CONFIDENTIAL, sila lampirkan surat sampaikan perihal perdata organisasi/pertubuhan dengan menyatakan sekali seumur hidup. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period

for confidential/restricted information.

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

ALHAMDULILLAH, saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya yang telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini bagi menyempurnakan pengijazahan Sarjana Sastera. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Professor Dr. Haji Ishak bin Saat selaku penyelia utama atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan beliau kepada saya semasa menyempurnakan kajian ini. Saya amat menghargai kesabaran Professor yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran serta tangkas dalam tindakan semasa proses penyeliaan kepada saya sepanjang pengajian ini. Pada masa yang sama, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang turut sama memberi dorongan serta bantuan kepada saya secara langsung mahupun tidak langsung.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih di atas pertolongan dan kerjasama yang telah diberikan kepada saya oleh para pengawai dan juga kakitangan Arkib Negara. Tidak lupa juga kepada kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, UM, UKM dan USM serta Perpustakaan Negara di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan kepada saya sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada ayahanda dan ibunda yang tercinta, Tuan Arifai bin Mahmud dan Puan Hajjah Asma binti Dama di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran mereka mendidik dan mengiringi saya untuk mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak lupa juga, khas buat isteri tercinta Puan Nurain Aqilah binti Ismail atas pembakar semangat dan sokongan di saat diri memerlukan. Termasuk kepada keluarga, abang-abang dan kakak-kakak yang turut sama banyak membantu dari segi kewangan, kemudahan asas dan semangat serta inspirasi kepada saya bagi menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga buat rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam berkongsi idea dan mengharungi bersama-sama dalam proses mengumpul bahan dan maklumat. Semoga Allah memberikan rahmat dan membala budi baik kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas keberhasilan kajian ini.

Rahman bin Arifai,
M20182002199,
Lot 40 Blok 5 Taman Evergreen Garden,
Batu 6 Jalan Utara 90000,
Sandakan, Sabah.





ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh Al-Arqam terhadap perkembangan sosioekonomi Global Ikhwan Sdn. Bhd. dari tahun 1994 sehingga 2015. Al-Arqam menjadi isu polemik apabila menjadi tanda tanya dalam masyarakat sama ada ajaran Al-Arqam masih lagi diamalkan melalui kegiatan sosioekonomi GISB ataupun sudah lenyap akibat daripada pengharamannya. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pengaruh Al-Arqam terhadap perkembangan sosioekonomi GISB dan kesannya kepada ahli GISB serta masyarakat setempat. Bagi tujuan ini, kaedah penyelidikan kualitatif digunakan dengan membuat analisis terhadap sumber primer yang menjadi bahan utama dalam mendapatkan maklumat. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah rujukan bahan sekunder di arkib dan perpustakaan serta menggunakan kaedah sejarah lisan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Dapatan kajian mendapati bahawa ajaran Al-Arqam masih lagi diamalkan di dalam kegiatan sosioekonomi GISB. Malah, kajian menunjukkan bahawa ajaran Al-Arqam menjadi pemangkin dan faktor utama kepada pencapaian kejayaan GISB khususnya dalam perkembangan sektor ekonomi. Selain itu, kajian juga mendapati pengaruh ajaran Al-Arqam turut memberikan pelbagai kesan kepada sistem kehidupan sosial ahli GISB serta masyarakat setempat. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengekalan budaya dan cara kerja kesan daripada pengaruh ajaran Al-Arqam di dalam GISB memberikan kesan yang positif dan negatif kepada ahli GISB dan masyarakat sekitar. Analisis dan perbincangan hasil daripada kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan ajaran Al-Arqam dalam mempengaruhi sistem kehidupan masyarakat di negara ini.





THE INFLUENCE OF AL-ARQAM ON SOCIO-ECONOMIC DEVELOPMENT OF THE GLOBAL IKHWAN SDN. BHD, 1994-2015

ABSTRACT

The study focuses on the influence of Al-Arqam on the socio-economic development of Global Ikhwan Sdn. Bhd. from year 1994 to 2015. Al-Arqam became a polemical issue when it became a question mark in society whether the teachings of Al-Arqam are still practiced through the socio-economic activities of GISB or have disappeared as a result of its ban. Therefore, the objective of this study is to analyze the influence of Al-Arqam on the socio-economic development of GISB and its impact on GISB members as well as the local community. For this purpose, qualitative research method is used by analyzing the primary sources that are the main materials in obtaining information. In addition, this study also use the method of reference of secondary materials in archives and libraries as well as using the method of oral history to obtain information from respondents. The findings of the study find that the teachings of Al-Arqam are still practiced in the socio-economic activities of GISB. In fact, studies show that the teachings of Al-Arqam are a catalyst and a key factor to the success of GISB especially in the development of the economic sector. In addition, the study finds that the influence of the teachings of Al-Arqam also has various effects on the social life system of GISB members and the local community. The implications of the study show that the preservation of culture and way of working as a result of the influence of Al-Arqam teachings in GISB has both positive and negative effects on GISB members and the surrounding community. The analysis and discussion of the results of this study are expected to contribute to a deeper understanding on the teachings of Al-Arqam in influencing the life system of society in this country.

.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI GAMBAR	xvi
SENARAI SINGKATAN	xx



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	3
1.3	Permasalahan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Skop Kajian	11
1.8	Metodologi Kajian	13
1.9	Sorotan Kajian Lepas	15





1.10	Pembahagian Bab	30
1.11	Definisi Istilah	33
1.12	Kesimpulan	37

BAB 2 LATAR BELAKANG AL-ARQAM

2.1	Pendahuluan	39
2.2	Latar Belakang Ashaari Muhammad	40
2.2.1	Pendidikan	42
2.2.2	Perkahwinan	45
2.2.3	Keperibadian	46
2.2.4	Penglibatan Sebelum Al-Arqam	48
2.2.4.1	Guru Agama	49
2.2.4.2	Parti Islam Se-Malaysia (PAS)	50
2.2.4.3	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	51
2.2.4.4	Jamiah Dakwatul Islamiah (JDI)	52
2.2.5	Kematian Ashaari Muhammad	53
2.3	Penubuhan Al-Arqam	54
2.3.1	Kumpulan Rumah Putih	55
2.3.2	Darul Al-Arqam	57
2.3.3	Al-Arqam	58
2.4	Struktur Pentadbiran	59
2.4.1	Konsep dan Matlamat Perjuangan	60
2.4.2	Organisasi	63
2.4.2.1	Kepimpinan Peringkat Pusat	65
2.4.2.2	Kepimpinan Peringkat Negeri	68





2.4.2.3 Kepimpinan Kaum Wanita	70
2.4.3 Keahlian	72
2.5 Struktur Sosial	75
2.5.1 Sistem Jemaah	75
2.5.2 Konsep Perkampungan	78
2.5.3 Amalan Poligami	80
2.5.4 Sistem Pendidikan	82
2.6 Struktur Ekonomi	85
2.6.1 Sistem Maash	88
2.6.2 Kegiatan Perniagaan	90
2.6.3 Perusahaan Komersial	92
2.6.4 Kegiatan Pembangunan	94
2.6.5 Al-Arqam Group of Companies	95
2.7 Konsep Politik Menurut Al-Arqam	97
2.7.1 Konsep Negara Islam	98
2.8 Pelaksanaan Fatwa & Pengharaman	100
2.8.1 Penahanan Pertama	102
2.8.2 Penahanan Kali Kedua	103
2.8.3 Bekas Ahli Al-Arqam	105
2.8.3.1 Kumpulan Pimpinan Ashaari Muhammad	105
2.8.3.2 Kumpulan Pimpinan Abdul Halim Abas	106
2.8.3.3 Kumpulan Pimpinan Azhar Wahab	107
2.8.3.4 Kumpulan Keempat	109
2.9 Kesimpulan	109





BAB 3 PENUBUHAN SRC & GISB PASCA PENGHARAMAN AL-ARQAM

3.1	Pendahuluan	111
3.2	Syarikat Rufaqa Corporation	112
3.2.1	Matlamat Perjuangan	114
3.2.2	Status Pendaftaran	116
3.2.3	Rangkaian Anak Syarikat	117
3.2.4	Kegiatan Ekonomi	119
3.2.5	Persamaan SCR dengan Al-Arqam	124
3.2.6	Dakwaan Baharu Ashaari Muhammad	127
3.2.7	Pelaksanaan Fatwa & Pengharaman	128
3.3	Global Ikhwan Holding Sdn. Bhd.	131
3.3.1	Matlamat Perjuangan	133
3.3.2	Struktur Organisasi	134
3.3.2.1	GISB di bawah Pimpinan Ashaari Muhammad	134
3.3.2.2	GISB di bawah Pimpinan Hatijah Aam	137
3.3.2.3	Kepimpinan Peringkat Zon	142
3.3.3	Rangkaian Anak Syarikat	144
3.3.4	Dakwaan Baharu Hatijah Aam	151
3.3.5	Majlis Pengisytiharan Taubat	154
3.3.6	Perbadanan Semula	156
3.4	Kesimpulan	159



**BAB 4 PENGARUH AL-ARQAM TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI GLOBAL IKHWAN SDN. BHD.**

4.1	Pendahuluan	160
4.2	Ideologi Pemikiran Ashaari Muhammad di dalam GISB	161
4.2.1	Syahadah Aurad Muhammadiyah	163
4.2.2	Aurad Muhammadiyah	166
4.2.2.1	Asal-Usul Aurad Muhammadiyah	166
4.2.2.2	Penyelewengan Aurad Muhammadiyah	168
4.2.2.3	Dakwaan Baharu Ashaari Muhammad	172
4.2.3	Fahaman Minda Abuya di dalam GISB	175
4.2.4	Pengagungan Ashaari Muhammad di dalam GISB	177
4.2.4.1	Gelaran Putera Bani Tamim	178
4.2.4.2	Gelaran Orang Tuhan	180
4.2.4.3	Gelaran Mujaddid	181
4.2.4.4	Peranan Bahan Bacaan	182
4.2.5	Dakwaan Karamah Ashaari di dalam GISB	184
4.3	Kefahaman Terhadap Konsep di dalam GISB	188
4.3.1	Konsep Yaqazah	189
4.3.2	Konsep Berkat	191
4.3.3	Konsep Taksub	194
4.3.4	Konsep Taqiyah	198
4.3.5	Konsep Tawassul	201
4.3.5.1	Tawassul Era Ashaari Muhammad	201
4.3.5.2	Tawassul Era Hatijah Aam	203
4.3.6	Amalan Ibadah di dalam GISB	206





4.3.7	Amalan Poligami	207
4.3.8	Solat Fardhu	214
4.3.9	Solat Jumaat	216
4.4	Peraturan dan Dasar Polisi Syarikat	219
4.4.1	Pengekangan Media Massa	220
4.4.2	Penetapan Gaji Pekerja	222
4.4.3	Institusi Pendidikan	225
4.4.3.1	Sistem Pendidikan	226
4.4.3.2	Status Pendaftaran	230
4.4.3.3	Kurikulum	232
4.5	Kesimpulan	234

BAB 5 IMPLIKASI PENGARUH AL-ARQAM TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI GISB DAN MASYARAKAT LUAR



5.1	Pendahuluan	236
5.2	Perpecahan Dalam Masyarakat	237
5.2.1	Keruntuhan Institusi Kekeluargaan	238
5.2.2	Umat Islam Terdedah Kepada Kesyirikan	242
5.2.3	Pemandulan Akal Fikiran	247
5.2.4	Keruntuhan Akhlak Umat Islam	250
5.3	Pengekangan Hak Kebebasan	254
5.4	Perkembangan Sektor Ekonomi Bumiputera	259
5.5	Pembangunan Penempatan Masyarakat	263
5.6	Ekplotiasi Terhadap Pekerja	266
5.7	Imej Agama Islam Tercalar	270





5.8	Ancaman Keselamatan Negara	275
5.9	Kesimpulan	278
BAB 6 PENUTUP		279
RUJUKAN		289
LAMPIRAN		
A	Senarai Responden	309
B	Wirid Aurad Muhammadiyah	315
C	Pengisytiharan Taubat GISB	324





SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
--------------	-------------------

2.1	Organisasi Kepimpinan Pusat Al-Arqam.	66
2.2	Carta Organisasi Peringkat Negeri Al-Arqam.	68
2.3	Carta Organisasi Bahagian Muslimah Al-Arqam Pusat.	71
2.4	Taburan Lokasi Perkampungan Al-Arqam di Semenanjung Malaysia.	78



2.5	Struktur Organisasi Pendidikan Al-Arqam.	83
2.6	Struktur Organisasi Perkhidmatan Ekonomi Al-Arqam.	86
2.7	Struktur Organisasi Kegiatan Pembangunan Al-Arqam.	87
3.1	Struktur Organisasi Kepimpinan GISB.	135
3.2	Lokasi Cawangan Rangkaian Anak Syarikat GISB.	144
3.3	Rangkaian Anak Syarikat GISB.	144





SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka Surat
2.1 Pasport Asaari bin Mohamad.	40
2.2 Pengkaji di rumah sewa Ashaari beralamat No. 94, Lorong Kiri Dua, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur.	56
2.3 Seorang ahli Al-Arqam yang menjaja produk Al-Arqam menggunakan motorsikal.	91
2.4 Sebahagian buku tulisan Ashaari yang diterbitan oleh Jabatan Penerbitan Al-Arqam.	93
2.5 Persidangan Antarabangsa Ekonomi Al-Arqam 1993.	96
2.6 Buku Aurad Muhammadah Pegangan Darul Arqam, 1986.	101
2.7 Abdul Halim Abas.	107
2.8 Azhar Wahab disalam oleh pengikutnya.	108
3.1 Slogan “ <i>Tenang & Menyakinkan</i> ” dan Logo Rufaqa.	120
3.2 Pasaraya Rufaqa.	122





3.3	Pengasas GISB yang digelar dengan gelaran Abuya dan At-Tamimi.	136
3.4	Nama sebenar dan nombor kad pengenalan Hatijah Aam.	138
3.5	Hatijah Aam memberi ucapan dalam suatu program GISB di Selangor.	140
3.6	Premis Perniagaan Ikhwan Mart yang terletak di PPIBCH, Rawang.	145
3.7	Restoran GH Corner yang terletak di Bukit Raja, Klang.	146
3.8	Ikhwan Industries yang terletak di PPIBCH, Rawang.	147
3.9	Poliklinik Ikhwan yang terletak di PPIBCH, Rawang.	148
3.10	Kilang Ayam Ikhwan yang terletak di Kepala Batas, Pulau Pinang.	149
3.11	Media Ikhwan yang terletak di PPIBCH, Rawang.	150
3.12	Hatijah Aam Bersama Pimpinan GISB Menandatangani Perjanjian Taubat.	154
3.13	Dokumen Deklarasi Taubat Ahli GISB, 8 November 2013.	155
3.14	Sijil Perakuan Perbadanan Atas Pertukaran Nama Syarikat.	157
3.15	Ahli Lembaga Penasihat GISB Holdings, 2014.	158





4.1	Buku Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan, 1986.	169
4.2	Sebahagian kandungan Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan, 1986.	171
4.3	Buku Bacaan Solat & Zikir Agung Serta Terjemahannya.	173
4.4	Pengasas GISB dengan gelaran Abuya dan At-Tamimi.	178
4.5	Buku Siapakah Mujaddid Kurun Ke-15?, 1988.	181
4.6	Gambar Ashaari Muhammad di Premis GISB.	192
4.7	Gambar Ashaari Muhammad & Keluarganya.	196
4.8	Buku Bacaan Solat & Zikir Agung Serta Terjemahannya.	205
4.9	Buku Modul Poligami Indah Dari Tuhan, 2009.	208
4.10	Pasangan GISB yang melangsungkan perkahwinan perdana GISB.	211
4.11	Poster Karnival Perkahwinan Perdana GISB, 2012.	212
4.12	Ikhwan News, Saluran Ikhwan TV.	222
5.1	Senarai Produk Halal Keluaran GISB.	261
5.2	Rombongan GISB di Sarajevo Halal Fair 2019 bertempat di Sarajevo, Bosnia-Herzegovina.	262





5.3	Pusat Perniagaan Global Ikhwan Bandar Country Homes, Rawang.	264
5.4	Template Kutipan Dana Rumah Amal Redhamu Tuhan.	272
5.5	Pusat Jagaan Nur Ekhwan Ku, Meru Klang, Selangor.	273





SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AGC	Al-Arqam Group of Companies
BKN	Bahagian Keselamatan Negara
BMP	Bahagian Muslimah Al-Arqam Pusat
GISB	Global Ikhwan Sendirian Berhad
GISBH	Global Ikhwan Holdings Sendirian Berhad
ISA	Internal Security Act (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Wilayah Persekutuan
JDI	Jamiah Dakwatul Islamiah
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKDN	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
MKI	Majlis Keselamatan Bagi Hal Ehwal Islam
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDRM	Polis Di-Raja Malaysia
PPIBCH	Pusat Perniagaan Ikhwan Bandar Country Homes
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SRC	Syarikat Rufaqa Corporation
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Pada era globalisasi ini, masyarakat Malaysia menghadapi cabaran kesan daripada proses modenisasi¹ yang berlaku seperti hedonisme² khususnya kepada umat Melayu. Dalam konteks ini, salah satu kesan yang mendapat perhatian adalah cabaran terhadap perkembangan aliran pemikiran. Tokoh ulama kontemporari dunia Islam, Muhammad Yusuf Qardhawi menegaskan bahawa dalam kalangan umat Islam terdapat pelbagai gerakan pemikiran antaranya pemikiran Islam sekular, liberal, radikal, komunis dan aliran pemikiran yang berasal daripada Islam kemudian melawan Islam seperti Ahmadiyah Qadiani dan Baha'i.³ Oleh itu, kepelbagaian wajah dalam aliran pemikiran

¹ Modenisasi membawa maksud perubahan sosial yang berlaku terhadap semua aspek seperti dari sudut ekonomi, politik dan ideologi. Lihat dalam Shamsul Amri Baharuddin, *Pengalaman Modernisasi dan Sekularisasi di Asia*, Jurnal Pemikir, Utusan Malaysia, 1995, hlm. 79.

² Hedonisme membawa maksud kepuasan rasa dan kenikmatan yang menjadi ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan yang baik. Lihat dalam Haron Din et al., *Manusia dan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, jilid 3, hlm. 288.

³ Muhammad Yusuf Qardawi, *Kritik dan Saran Untuk Para Dai*, Jakarta: Media Dakwah, 1983, hlm. 217.





yang membelenggu umat Islam menjadikan cabaran modenisasi tidak dapat diatasi dengan sebaiknya. Meskipun begitu, dalam lipatan sejarah Malaysia, terselit sebuah fenomena tentang sebuah gerakan dakwah⁴ dikenali sebagai Al-Arqam yang menjadi salah satu gerakan umat Islam melawan hedonisme dan cabaran pemikiran pada ketika itu.

Kemunculan Al-Arqam sebagai sebuah pertubuhan dakwah yang berasaskan kepada sosioagama⁵ antara tahun 1970-an hingga 1990-an memainkan peranan penting dalam perubahan struktur sosial masyarakat Melayu di Malaysia. Pembentukan sosial masyarakat dan penghayatan agama hasil daripada perubahan yang dibawa oleh Al-Arqam dilihat sangat ketara dalam mengubah cara hidup orang Melayu.⁶ Perubahan pegangan Islam eksklusif⁷ kepada Islam inklusif⁸ yang progresif dibawa oleh Al-Arqam berjaya mengubah lanskap kehidupan masyarakat khususnya kepada orang Melayu Islam.⁹ Walaupun begitu, zaman kegemilangan Al-Arqam berakhir apabila kerajaan

⁴ Dakwah membawa maksud suatu usaha mengajak orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah SWT dan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala larangan-Nya. Lihat dalam Muhammad Yusuf Al-Qrdhawi, *Thaqafah Al-Dai'yah*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, 1983, hlm. 163.

⁵ Sosioagama merupakan salah satu sub-disiplin dalam sosiologi yang memfokuskan kepada interaksi kehidupan sosial antara agama dan masyarakat. Lihat dalam Haryanto Sindung, *Sosiologi Agama: Dari Klasik Hingga Postmodern*, Selman: Ar-Ruzz Meida, Jakarta, 2001, hlm. 76.

⁶ Farahwahida Mohd Yusof, *Al-Arqam & Aurad Muhammadiyah: Satu Penilaian*, Universiti Teknologi Malaysia, 2007, hlm. 39.

⁷ Islam eksklusif merupakan pengamalan Islam secara terhad ataupun tertutup. Lihat dalam Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran Jemaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur, Kintan Sdn. Bhd, 1992, hlm. 65.

⁸ Islam inklusif progresif yang berlaku di dalam Al-Arqam membawa maksud pengamalan Islam dilibatkan secara aktif dalam urusan keduniaan serta kehidupan secara menyeluruh berdasarkan pemikiran Islam yang masih lagi konservatif iaitu Islam eksklusif. Lihat dalam Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran Jemaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur, Kintan Sdn. Bhd, 1992, hlm. 65.

⁹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran Jemaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur, Kintan Sdn. Bhd, 1992, hlm. 65.





Malaysia mengisytiharkan ajaran yang dibawa oleh Al-Arqam adalah sesat.¹⁰ Pengisytiharan tersebut membawa kepada pengharaman dan penangkapan pemimpin tertinggi Al-Arqam serta sebilangan ahli pengikutnya.

Walau bagaimanapun, pengharaman dan penahanan tidak menghalang mereka untuk menghidupkan semula ajaran Al-Arqam. Percubaan untuk meneruskan semula ajaran Al-Arqam melalui kegiatan ekonomi dilakukan beberapa kali walaupun mereka masih berada dalam perintah tahanan.¹¹ Oleh itu, kemunculan pelbagai syarikat yang berasaskan kepada kegiatan ekonomi dan perniagaan memberikan nafas baharu kepada pemimpin dan pengikut yang taksub kepada Al-Arqam.¹²



1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Arqam merupakan salah satu gerakan dakwah yang aktif sehingga mendapat perhatian daripada ramai pihak sekitar tahun 1970-an. Sebagai sebuah gerakan yang berlandaskan kepada sosioagama, Al-Arqam memberikan sumbangan yang tidak kurang pentingnya ke arah perubahan sosial, budaya dan ekonomi orang Melayu pada ketika itu. Walaupun begitu, tahun 1994 merupakan tahun yang getir bagi Al-Arqam apabila seluruh negara digemparkan dengan pengharamannya oleh kerajaan Malaysia.

¹⁰ Pengisytiharan Fatwa Mengenai Pengharaman Al-Arqam oleh Pengerusi Jawatankuasa *Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, 1994, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hlm. 64.

¹¹ Harian Metro, *Waspada Hidupkan Al-Arqam: Selindung Di Sebalik Projek dan Kegiatan Ekonomi*, 9 September 2001, *Al-Arqam Cuba Dihidupkan Kembali*, 23 April 2003. Lihat juga dalam Utusan Malaysia, *Al-Arqam Kini Dihidupkan Semula*, 12 Julai 2000.

¹² Bacaria, *Rufaqa Ganti Al-Arqam?*, 28 Disember 2002. Lihat juga dalam Selangor Kini, *Antara Taubat Ummu Jah dan Legasi Al-Arqam*, 14 November 2013.



Dakwaan terhadap pegangan akidah yang menyeleweng dalam kalangan ahli Al-Arqam menjadi justifikasi utama pengharaman tersebut. Ashaari Muhammad¹³ sebagai pemimpin utama bersama dengan pengikutnya yang lain ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).¹⁴ Walaupun begitu, sejurus sahaja Ashaari Muhammad dibebaskan, pelbagai langkah dan cubaan yang dilakukan oleh beliau dalam usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam.

Sehingga kini walaupun Al-Arqam sudah lama diharamkan, bekas pengikut Al-Arqam masih meneruskan kegiatan perniagaan yang menyerupai Al-Arqam dengan hanya melakukan perbezaan nama, jenama dan strategi perniagaan.¹⁵ Situasi ini dapat dilihat dalam Syarikat Rufaqa Corporation (SRC) dan Syarikat Global Ikhwan Sdn.

Bhd. (GISB) yang sedikit sebanyak menerima pengaruh daripada Al-Arqam.¹⁶ GISB 05-4506832 pustaka.upsi merupakan syarikat yang ketiga ditubuhkan oleh Ashaari Muhammad selepas SRC dan Al-Arqam diharamkan. Lantaran daripada itu, GISB sering kali dikaitkan dengan dakwaan bahawa mempunyai hubungan dan pengaruh daripada sejarah penubuhan SRC dan Al-Arqam.¹⁷

¹³ Ashaari bin Muhammad merupakan pengasas dan pemimpin utama di dalam Al-Arqam, Syarikat Rufaqa Corporation dan Global Ikhwan Sdn. Bhd. Lihat biodata lengkap beliau di dalam bab 2 kajian ini.

¹⁴ *Pewartaan Pengharaman Al-Arqam*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1994, hlm. 34.

¹⁵ Kertas Kerja, *Makluman Mengenai Perkembangan Terkini Syarikat Global Ikhwan Holdings Sdn. Bhd*, Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor, 2019, hlm. 5.

¹⁶ Zamri Abd Halim, *Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. (SRC) Dan Lain-lain Syarikat*, Jurnal Penyelidikan Islam, Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya, 2006, hlm. 120.

¹⁷ Kertas Kerja, *Makluman Mengenai Kedudukan Terkini Ajaran Al-Arqam di Negeri Selangor*, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 2012, hlm. 4.



Sehubungan dengan itu, sejarah kewujudan Al-Arqam perlu diketahui untuk menganalisis pengaruhnya dalam penubuhan GISB. Situasi ini memberikan panduan kepada pengkaji untuk mengkaji latar belakang penubuhan Al-Arqam secara menyeluruh sehingga kepada pengharamannya pada tahun 1994. Penjelasan yang lebih terperinci juga dilakukan terhadap transformasi yang berlaku sepanjang kesinambungan daripada Al-Arqam kepada penubuhan SRC dan seterusnya kepada GISB. Selain itu, penganalisaan turut dilakukan terhadap pengaruh Al-Arqam di dalam GISB daripada aspek kegiatan sosioekonomi. Seterusnya, penilaian dilakukan terhadap implikasi pengaruh Al-Arqam terhadap sistem kehidupan ahli GISB serta masyarakat luar. Oleh itu, kajian ini penting kepada masyarakat dalam memahami dan mengetahui perkembangan GISB terhadap usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam di Malaysia.

tbupsi

1.3 Permasalahan Kajian

Secara umumnya, GISB ditubuhkan oleh Ashaari Muhammad bersama pengikutnya pada tahun 2008. Sejak penubuhannya, GISB berjaya mengembangkan rangkaian syarikat perniagaannya di seluruh Malaysia termasuk luar negara. Walaupun begitu, terdapat segelintir masyarakat beranggapan ajaran Al-Arqam sudah tiada malah Ashaari dan pengikutnya menafikan perkembangan sosioekonomi GISB mempunyai kaitan dengan ajaran Al-Arqam.¹⁸ Penafian ini bercanggah dengan pelbagai kenyataan dan dakwaan daripada pihak berkuasa sehingga menimbulkan polemik sama ada GISB

¹⁸ Berita Harian, *Ashaari Nafi Hidup Semula Al-Arqam*, 5 Disember 2008.





mempunyai kaitan dengan ajaran Al-Arqam ataupun tidak. Sebagai contoh, dakwaan yang mengatakan bahawa GISB merupakan kesinambungan daripada kumpulan Al-Arqam sedang bergiat aktif menggerakkan aktiviti mereka di Putrajaya dengan menggunakan platform sebuah klinik kesihatan dan surau.¹⁹ Dakwaan ini selari dengan pendedahan bahawa terdapat 14 ajaran sesat yang masih aktif di Selangor, salah satunya adalah ajaran Al-Arqam yang telah difatwakan sesat dan diharamkan pada tahun 1994.²⁰ Sehubungan dengan itu, penubuhan GISB digambarkan sebagai sebuah entiti syarikat korporat yang mempunyai perkaitan dengan latar belakang ajaran sesat daripada Al-Arqam yang pernah diharamkan dahulu.

Sebagaimana dengan penubuhan SRC, GISB juga mengambil langkah mengembangkan rangkaian anak syarikatnya melalui kegiatan perniagaan. GISB telah didaftarkan secara sah di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat persendirian melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)²¹ untuk menjalankan aktiviti perniagaan dalam pelbagai sektor dan industri. Oleh itu, perkembangan sosioekonomi GISB dikatakan mempunyai gerakan untuk menghidupkan semula ajaran Al-Arqam dengan berselindung di sebalik aktiviti perniagaan.²² Malah kegiatan

¹⁹ Kenyataan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan. *Lihat dalam Penyata Rasmi Parlimen (Hansard)*, Dewan Negara, Parlimen Ke-13, Penggal Pertama Mesyuarat Ke-3, 16 Disember 2013, hlm. 19.

²⁰ Kenyataan Datuk Haris Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, *35 Ajaran Sesat di Selangor*, Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 6 Julai 2015.

²¹ Semakan daripada Portal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

²² Kertas Kerja, *Makluman Mengenai Kedudukan Terkini Ajaran Al-Arqam di Negeri Selangor*, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 2012, hlm. 3.





sosioekonominya dikatakan mempunyai persamaan dan pengaruh daripada SRC yang yang telahpun diharamkan kerana menghidupkan semula ajaran Al-Arqam.²³

Selain itu, satu majlis yang dinamakan sebagai *Sidang Parlimen Roh* diadakan di Jitra, Kedah bermula 2 sehingga 4 Jun 2013 telah dikesan oleh pihak berkuasa. Majlis tersebut dihadiri oleh Hatijah Aam²⁴ bersama ahli GISB yang lain.²⁵ Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti kerohanian yang dilakukan oleh Ashaari Muhammad di dalam Al-Arqam dan SRC dahulu yang telah difatwakan sesat oleh pihak berkuasa.²⁶ Tidak lama selepas itu, GISB menjadi perhatian dan tumpuan umum apabila Hatijah Aam selaku penggerusi eksekutif GISB bersama beberapa pengikutnya telah ditahan atas kesalahan melanggar arahan mufti berkaitan dengan fatwa ke atas pengharaman Al-Arqam dan SRC.²⁷ Pendedahan tersebut mendapat pelbagai reaksi daripada masyarakat berkaitan pengaruh Al-Arqam dalam kegiatan sosioekonomi GISB di seluruh Malaysia. Hal ini menggambarkan bahawa ajaran di dalam Al-Arqam dan SRC masih diamalkan oleh ahli GISB walaupun pihak berkuasa telah mengharamkannya.

²³ Warta Kerajaan, *Pengharaman Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd. dan Rangkaian Syarikatnya*, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-75, 12 September 2006.

²⁴ Hatijah bin Aam merupakan isteri keempat kepada Ashaari Muhammad. Mereka berkahwin pada tahun 1980. Beliau merupakan salah seorang pemimpin kanan kepada Ashaari Muhammad. Gelaran beliau dalam kalangan ahli Al-Arqam, SRC dan GISB adalah Ummu Jah. Lihat lebih lanjut biodata beliau dalam bab 2 kajian ini.

²⁵ Datuk Seri Mohd Bakri Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara, *Polis Sentiasa Pantau Aktiviti Al-Arqam*, Bernama, 10 Jun 2013.

²⁶ *Pengisyiharan Fatwa Mengenai Al-Arqam* oleh Pengurus Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 31 Mac 1994 dan 12 September 2006.

²⁷ Datuk Marzuki Hussin, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Buletin Astro Awani bertarikh 13 Mei 2013.





Kegiatan perniagaan GISB turut mendapat perhatian dan pantauan yang serius daripada pihak berkuasa. Hal ini berdasarkan kepada tindakan pihak kerajaan yang sentiasa memantau pergerakan kegiatan ekonomi GISB walaupun mereka berada di luar negara. Perkembangan rangkaian perniagaan GISB bukan sahaja melibatkan negeri di seluruh Malaysia malah turut melibatkan negara luar sebagai tapak cawangan perniagaannya. Pemantauan ini dilakukan dengan kerjasama bersama agensi penguatkuasaan yang berkaitan sama ada di dalam negara atau luar negara.²⁸ Hal ini kerana doktrinisasi²⁹ yang dilakukan bukan sahaja melibatkan ahli GISB di Malaysia tetapi turut melibatkan ahli cawangan di luar negara.

Lantaran daripada itu, masyarakat masih keliru dan berselisih pandangan dalam menilai kegiatan sosioekonomi GISB sama ada dipengaruhi dengan ajaran Al-Arqam ataupun tidak.³⁰ Oleh itu, sepanjang dua dekad selepas pengharaman Al-Arqam, terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan Al-Arqam mahupun GISB telah diterbitkan. Namun demikian, maklumat dan penulisan berkaitan dengan ajaran Al-Arqam dalam kegiatan sosioekonomi GISB masih kurang berlegar dalam masyarakat. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji berkaitan perkembangan sosioekonomi GISB daripada sisi pandang yang berlainan berbanding dengan penulisan sebelum ini.

²⁸ Datuk Othman Mustapha, Ketua Pengarah Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Astro Awani, 13 April 2013.

²⁹ Doktrinisasi adalah merupakan kata dasar bagi doktrin yang berasal dari perkataan bahasa Inggeris iaitu *doctrine* yang bermaksud pegangan dan ajaran. Doktrin bukan suatu pegangan agama namun boleh bertukar menjadi keyakinan dan pegangan agama apabila seseorang itu menjadi taksub terhadap pekara yang didoktrin. Penerapan atau penanaman doktrin sering kali dijadikan sebagai alat atau strategi bagi mempengaruhi dan menguasai manusia melalui aspek prinsip pegangan atau pemikiran seseorang. Lihat dalam Khairiah Salwa Mokhtar dan Mahmud Sabri Haron, *Istilah Pentadbiran Awam dan Politik*, Selangor: Prentice Hall, 2002, hlm. 36.

³⁰ Nurul Ayu Bakar & Ahmad Yunus Mohd Noor, *Tahap Kefahaman dan Persepsi Masyarakat Terhadap Global Ikhwan Sdn. Bhd.*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 2015, hlm. 128.





Penonjolan kepada perbincangan dan analisis terhadap penubuhan GISB yang dipengaruhi oleh ajaran Al-Arqam diharap dapat memberikan suatu gambaran baru untuk memahami pengaruh Al-Arqam dalam perkembangan sosioekonomi GISB.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini ingin mencapai objektif yang berikut;

- 1.4.1** Mengkaji latar belakang penubuhan Al-Arqam sehingga kepada pengharamannya di Malaysia pada tahun 1994,
- 1.4.2** Membincangkan penubuhan SCR dan GISB pasca pengharaman Al-Arqam pada tahun 1994,
- 1.4.3** Menganalisis pengaruh Al-Arqam dalam perkembangan sosioekonomi GISB terhadap usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam,
- 1.4.4** Menilai implikasi pengaruh Al-Arqam terhadap perkembangan sosioekonomi GISB dan masyarakat luar.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini mempunyai soalan kajian seperti berikut;

- 1.5.1** Bagaimanakah latar belakang penubuhan Al-Arqam sehingga kepada pengharamannya di Malaysia pada tahun 1994?





- 1.5.2** Bagaimanakah penubuhan SCR dan GISB pasca pengharaman Al-Arqam pada tahun 1994?
- 1.5.3** Sejauhmanakah ajaran Al-Arqam dapat mempengaruhi perkembangan sosioekonomi GISB dalam usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam?
- 1.5.4** Apakah implikasi pengaruh daripada ajaran Al-Arqam terhadap GISB dan masyarakat luar?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui pengaruh Al-Arqam di dalam GISB daripada beberapa aspek yang menjadi hala tuju dalam penulisan kajian ini. Tumpuan secara khusus diberikan bermula daripada pasca pengharaman Al-Arqam sehingga kepada penubuhan GISB yang menjadi wadah kepada usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam. Justeru itu, penjelasan dan huraian serta analisis dalam kajian ini memberikan gambaran secara mendalam berkaitan dengan perkembangan GISB berbanding dengan kajian yang telah dilakukan sebelum ini.

Melihat kepada kekurangan bahan berkaitan dengan GISB, kajian yang dilakukan ini dilihat sebagai salah satu alternatif dalam proses memahami pengaruh Al-Arqam di dalam GISB. Oleh itu, kajian ini penting kepada masyarakat yang masih lagi keliru dan kesamaran dalam memahami modus operandi yang dilakukan oleh GISB untuk menghidupkan semula ajaran Al-Arqam di Malaysia. Malahan, kajian ini juga





penting kepada perkembangan intelektual di negara kita apabila bahan bacaan berkaitan dengan Al-Arqam dan GISB semakin meningkat.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam meningkatkan kefahaman dan pengetahuan agama Islam supaya tidak mengulangi kesilapan sebagaimana yang berlaku kepada bekas pengikut Al-Arqam. Walaupun begitu, kesungguhan dan penglibatan Al-Arqam dalam membangunkan sosioekonomi Bumiputera Melayu Islam dan perkembangan agama Islam di Malaysia wajar dijadikan contoh dan teladan kepada generasi sekarang dan yang akan datang.



1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini merangkumi beberapa aspek seperti berikut;

1.7.1 Skop Masa

Skop kajian dalam penulisan ini meliputi jangka masa 21 tahun iaitu bermula daripada tahun 1994 sehingga tahun 2015. Tahun 1994 diambil sebagai tahun permulaan kajian kerana tahun tersebut merupakan tahun pengharaman Al-Arqam oleh Kerajaan Malaysia. Manakala tahun 2015 diambil sebagai tahun pengakhiran kajian ini yang merupakan tahun Hatijah Aam iaitu balu kepada Ashaari Muhammad meninggal dunia. Hatijah Aam menjadi individu penting selepas menggantikan Ashaari Muhammad sebagai pemimpin utama di dalam





GISB. Beliau bukan sahaja menggantikan Ashaari Muhammad sebagai pengurus eksekutif GISB yang baharu, tetapi juga memainkan peranan penting sebagai penyambung kepada ajaran yang telah dilakukan oleh Ashaari Muhammad. Oleh itu, tahun kematian Hatijah diambil sebagai tahun pengakhiran kajian ini dengan menjadikan beliau sebagai garis penamat kepada penyambung pengaruh Al-Arqam di dalam GISB.

1.7.2 Skop Tempat

Secara umumnya, negara yang mempunyai cawangan kepada kegiatan ekonomi

GISB menjadi kawasan kajian dalam penulisan ini antaranya adalah Malaysia,

Thailand, Indonesia, Singapura, dan negara di Eropah serta Timur Tengah.

Perkembangan kegiatan sosioekonomi GISB yang merangkumi pelbagai aspek seperti pendidikan, pertanian, perniagaan dan perkhidmatan banyak dilakukan di negeri-negeri semenanjung Malaysia. Manakala kawasan kajian secara khusus dilakukan di Bandar Country Homes, Rawang, Selangor yang menempatkan lokasi Pusat Perniagaan Ikhwan Bandar Country Homes (PPIBCH). PPIBCH merupakan pusat utama pentadbiran dan perniagaan GISB yang mempunyai rangkaian anak syarikat perniagaan di dalam dan luar negara. Selain itu juga, lokasi tersebut turut dijadikan penempatan oleh Ashaari Muhammad dan keluarganya sewaktu beliau masih hidup.





1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu meneliti dan menganalisis secara kritis terhadap sumber-sumber sejarah. Empat kaedah asas kajian kualitatif digunakan iaitu pemerhatian, perbandingan, penilaian dan penganalisaan. Pada peringkat awal, pengkaji menggunakan kaedah *heuristik*³¹ iaitu mencari dan mengumpulkan sumber-sumber sejarah yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Pengkaji memberi tumpuan kepada penganalisaan sumber *primer* berupa dokumen dan manuskrip yang diperolehi daripada Arkib Negara seperti risalah, akhbar, dan majalah. Dokumen yang diperolehi daripada arkib seperti koleksi *Risalah Pewartaan Pengharaman Al-Arqam oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri* dan *Warta Kerajaan Malaysia* (1994) serta koleksi *Risalah Isu Penyelewengan Arqam Yang Diharamkan* (1994). Rekod-rekod akhbar seperti *Al-Munir* (1984), *Al-Arqam Edisi Rumi* (1987 dan 1998), *Al-Arqam Edisi Inggeris* (1987), *Mingguan Islam* (1987) dan *Watan* (1989 hingga 1997). Majalah seperti *An-Nida* (1990), *Galaksi Minda* (1994) dan *Minda Penyelamat Ummah* (1992), *At-Tamimi* (1991). Selain daripada itu, pengkaji turut membuat analisis terhadap Penyata Rasmi Kerajaan (*hansard*) Parlimen Malaysia (1994 dan 2013) yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kebanyakan rekod arkib ini kurang mendapat perhatian daripada masyarakat umum sebagai bahan kajian mahupun bahan bacaan.

³¹ Heuristik merupakan teknik atau kaedah untuk menyelesaikan masalah. Perkataan heuristik berasal daripada perkataan Yunani iaitu *eupiokeiv* yang bermaksud mencari atau mencipta. Lihat dalam Suhartono W. Pranoto, *Teori & Metodologi Sejarah*, Yogyakarta: Grana Ilmu, 2004, hlm. 29.





Selain daripada itu, pengkaji turut melakukan analisis terhadap sumber sekunder yang terdiri daripada bahan perpustakaan berupa buku, jurnal, penulisan ilmiah, majalah dan penerbitan lain yang berkaitan. Bahan ini didapati di Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dan Perpustakaan Hamzah Sendut USM. Buku-buku tulisan Ashaari Muhammad juga menjadi tumpuan pengkaji dalam memahami ideologi³², pemikiran dan gaya kepimpinan beliau ketika mengetuai Al-Arqam, SRC dan GISB. Antaranya adalah *Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam* (1985), *Huraian Menuju ke Arah Membangun Negara dan Masyarakat Islam* (1983), *Bersatu Menurut Islam* (1987), dan *Tsunami Pembawa Mesej Dari Tuhan* (2005). Jurnal bertajuk *Usaha-Usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd.* (SRC) Dan Lain-lain Syarikat (2007) serta akhbar tempatan seperti *Berita Harian* (2010) dan *Utusan Malaysia* (2015). Kesemua bahan perpustakaan ini menjadi rujukan tambahan kepada pengkaji dalam memahami kronologi dan fakta berkaitan dengan tajuk kajian.

Seterusnya, pengkaji juga menjalankan kaedah sejarah lisan melalui wawancara individu yang bersesuaian dengan objektif kajian ini. Oleh itu, pengkaji mengenalpasti beberapa kategori keterangan lisan yang disampaikan oleh responden sama ada keterangannya merupakan keterangan *proto*,³³ seorang saksimata, seorang pendengar

³² Ideologi merupakan gabungan dua kata iaitu ideo bermaksud gagasan idea dan logos bermaksud ilmu. Maka, ideologi membawa erti sebuah ilmu tentang gagasan masa depan. Lihat dalam Sarbini, *Islam di Tepian Revolusi: Ideologi, Pemikiran dan Gerakan*, Yogyakarta: Pilar Media, 2005, hlm. 2.

³³ Keterangan proto adalah keterangan lisan yang dituturkan oleh pelaku yang terlibat dalam peristiwa yang dikaji. Selain itu pelaku juga disebut sebagai pengkisah iaitu orang yang terlibat secara langsung





atau seorang pemegang tradisi.³⁴ Responden terbahagi kepada empat kategori. Pertama adalah terdiri daripada responden yang memberi keterangan *proto* iaitu keterangan lisan yang ditutur oleh ahli dan bekas ahli GISB yang terlibat secara langsung dalam peristiwa berkaitan dengan kajian. Kedua merupakan responden yang terdiri daripada orang awam yang terlibat secara langsung menangani isu yang berkaitan dengan GISB. Responden kategori ini memberikan keterangan saksimata iaitu keterangan yang diberikan oleh seseorang yang melihat peristiwa yang telah berlaku. Ketiga adalah terdiri daripada orang awam yang menjalani kehidupan harian dalam lingkungan kawasan yang mempunyai cawangan perniagaan GISB. Kategori ini memberikan keterangan kata dengar iaitu keterangan daripada seseorang yang melalui proses penyebaran penuturan dari mulut ke mulut dan dari satu generasi kepada satu generasi.



1.9 Sorotan Kajian Lepas

Fenomena yang berlaku kepada Al-Arqam merupakan suatu peristiwa yang tidak pernah berlaku dalam catatan sejarah sosioagama di negara kita.³⁵ Oleh itu, kemunculan Al-Arqam merupakan suatu catatan sejarah yang penting dan memainkan peranan sebagai rujukan dan pandangan kepada generasi yang akan datang. Justeru itu, banyak penulisan dan kajian berkaitan dengan Al-Arqam dilakukan supaya sejarahnya tidak hilang ditelan arus peredaran zaman. Meskipun begitu, penulisan berkaitan dengan Al-

dalam peristiwa tersebut. Lihat dalam Nabir Abdullah et all, *Kaedah Penyelidikan & Penulisan Sejarah*, Emiretus Publications, 2013, hlm. 30.

³⁴ Nabir Abdullah et all, *Kaedah Penyelidikan & Penulisan Sejarah*, Emiretus Publications, 2013, hlm. 31.

³⁵ Farahwahida Mohd Yusof, *Al-Arqam & Aurad Muhammadiyah: Satu Penilaian*, Universiti Teknologi Malaysia, 2007, hlm. 9.





Arqam yang beredar dalam kalangan masyarakat Malaysia masih sedikit dan kurang memberi gambaran yang lebih jelas. Oleh itu, pengkaji sedaya upaya untuk mengenal pasti beberapa buah penulisan dan kajian yang mempunyai kaitan dengan Al-Arqam sama ada terbitan daripada buku, akhbar, majalah, jurnal, artikel mahupun kajian individu.

Antaranya adalah tulisan daripada Ann Wan Seng dalam kajiannya bertajuk *Al-Arqam di Sebalik Tabir* menjelaskan struktur kepimpinan Al-Arqam sepanjang penubuhannya di Malaysia.³⁶ Menurut penulis, Al-Arqam merupakan sebuah pertubuhan yang mempunyai sistem organisasi yang tersusun dan sistematik meliputi semua aspek sosial masyarakat pada ketika itu. Hierarki³⁷ kepimpinan yang digunakan oleh Al-Arqam bercorak piramid dengan meletakkan kuasa secara mutlak di tangan pemimpin utamanya. Selain itu, melalui tulisan beliau juga yang bertajuk *Rahsia Arqam: Menyingkap sisi gelap Arqam*,³⁸ turut menjelaskan kegiatan Al-Arqam daripada perspektif sisi pandang yang negatif. Penjelasan terhadap kegiatan Al-Arqam yang tidak didedahkan kepada masyarakat umum menjadi kandungan utama dalam buku beliau. Walaupun begitu, perbincangan penulis hanya tertumpu kepada kegiatan sosioekonomi Al-Arqam sebelum daripada pengharamannya.

Di samping itu, Ann Wan Seng turut mengkaji Al-Arqam daripada aspek sosioagama di Malaysia dalam penulisannya yang bertajuk *Gerakan Sosio-Agama di*

³⁶ Ann Wan Seng, *Al-Arqam di Sebalik Tabir*, Terbitan Universiti Malaya, 2005.

³⁷ Hierarki bermaksud susunan atau kedudukan berdasarkan taraf, kekuasaan, pangkat atau pendidikan. Lihat dalam *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 45

³⁸ Ann Wang Seng, *Rahsia Arqam: Menyingkap Sisi Gelap Arqam*, PTS Milennia Sdn. Bhd, 2005.





*Malaysia: Kajian Kes Ke Atas Pertubuhan Arqam.*³⁹ Dalam kajian ini, penulis hanya menumpukan kepada latar belakang, perkembangan, struktur organisasi dan kegiatan sosioekonomi Al-Arqam. Penulis meletakkan Al-Arqam sebagai pertubuhan dakwah dalam arus kebangkitan semula Islam di Malaysia sedikit ke hadapan berbanding dengan gerakan sosiogama yang lain. Al-Arqam dilihat berusaha untuk mewujudkan sebuah komuniti Islam sebagai landasan ke arah pembentukan Daulah Islam ataupun sebagai Dunia Baru Islam yang merupakan kemuncak kepada matlamat perjuangannya. Berbeza dengan kajian ini, pengkaji memfokuskan penglibatan budaya dan ajaran Al-Arqam dalam GISB pasca daripada pengharaman SRC dan Al-Arqam.

Sementara itu, di dalam buku *Penyelewangan Al-Arqam dari Aqidah Quran &*

Sunnah mengikut perspektif Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah tulisan Abdul Halim El-Muhammady menghuraikan serba sedikit tentang justifikasi pengharaman Al-Arqam.⁴⁰ Amalan dan pegangan akidah Ashaari Muhammad mendapat tentangan dan bantahan daripada pihak berkuasa termasuk beberapa pimpinan Al-Arqam sendiri. Walau bagaimanapun, pengikut Al-Arqam tetap percaya dan taat setia kepada Ashaari Muhammad sehingga pengharamannya oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1994. Justifikasi terhadap kesalahan-kesalahan yang diambil daripada pernyataan fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan memberikan sedikit sebanyak penjelasan berkaitan dengan kesesatan Ashaari Muhammad di dalam Al-Arqam. Walaupun begitu, ajaran Al-Arqam

³⁹ Ann Wan Seng, *Gerakan Sosio-Agama di Malaysia: Kajian Kes ke Atas Pertubuhan Arqam*, Kuala Lumpur: Terbitan Rodatran Sdn. Bhd, 1997.

⁴⁰ Abdul Halim El-Muhammady, *Penyelewangan Al-Arqam dari Aqidah Quran & Sunnah Mengikut Perspektif Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah*, Terbitan ABIM, Petaling Jaya, 1994.





yang telah diharamkan di dalam GISB tidak dibincangkan secara meluas pasca daripada pengharamannya.

Dalam pada itu, pengkaji melihat tulisan Abdul Halim Abbas bertajuk *Panduan Membina Empayar Islam di Asia Tenggara* untuk melihat perkembangan Al-Arqam daripada aspek politik.⁴¹ Sebagai salah seorang bekas pemimpin Al-Arqam, penulis pada ketika itu mewujudkan idea mengenai Operasi Malaysia untuk merealisasikan pembinaan empayar Islam di Asia Tenggara dan Daulah Islamiah di rantau Timur. Buku tersebut menunjukkan bahawa kesungguhan Al-Arqam dalam membina empayar yang melibatkan beberapa buah negara. Pada masa yang sama juga, agenda politik Al-Arqam dapat dilihat pada tulisan pemimpin utama Al-Arqam sendiri iaitu Ashaari Muhammad dalam beberapa buah bukunya seperti *Meninjau Sistem Pemerintahan Islam, Falsafah Pelaksanaan Hudud Dalam Masyarakat, dan Assalamualaikum Dato'* Seri PM. Buku-buku tersebut memberi gambaran berkaitan dengan kaedah pelaksanaan menuju pemerintahan Daulah Islamiah yang menjadi matlamat Al-Arqam dalam aspek pemerintahan negara.

Seterusnya, melalui penulisan Hamizan Hussin yang bertajuk *Mengapa Ustaz Mokhtar Keluar dari Al-Arqam*, memberikan penjelasan berkaitan dengan penyelewengan yang berlaku di dalam Al-Arqam.⁴² Antara perkara yang dikatakan menyeleweng adalah amalan Aurad Muhammadiyah, Silat Sunda, Majlis Yaqazah dan

⁴¹ Abdul Halim Abbas, *Panduan Membina Empayar Islam di Asia Tenggara*, Terbitan Hikmah, Kuala Lumpur, 1991.

⁴² Hamizan Hussin ed. *Mengapa Ustaz Mokhtar Keluar dari Al-Arqam*, Terbitan Al-Hijrah, Kuala Lumpur, 1986.



keyakinan ahli Al-Arqam terhadap Syeikh Muhammad Suhaimi sebagai Imam Mahadi Al-Muntazar. Pendedahan terhadap kesesatan Al-Arqam oleh beberapa bekas pemimpin tertinggi Al-Arqam sedikit sebanyak menggugat keyakinan ahli terhadap pegangan Al-Arqam pimpinan Ashaari Muhammad. Antaranya adalah Akbar Anang, Mokhtar Yaakub dan Mohd Roshdi Yusof yang mengambil keputusan untuk keluar daripada Al-Arqam dan mendedahkan penyelewengan tersebut melalui bahan bacaan.

Sementara itu melalui penulisan Mohd Lazim Lawee dalam *Penyelewengan Jemaah Al-Arqam & Usaha Permurniannya*,⁴³ turut membincangkan kesesatan Al-Arqam yang berpunca daripada Ashaari Muhammad. Pengakuan secara langsung daripada bekas ahli Al-Arqam memberikan gambaran bahawa kesesatan Al-Arqam bermula daripada ketaksuban ahli ~~pertama~~ ^{terhadap ku} Ashaari Muhammad. Peluang ini kemudiannya dimanfaatkan oleh beliau untuk menjadikan dirinya sebagai pemimpin utama Al-Arqam yang mempunyai kuasa mutlak tanpa sebarang bantahan daripada ahli yang dipimpinnya. Buku tersebut juga turut memuatkan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membasmikan kesesatan Al-Arqam dan seterusnya memulihkan semula pegangan akidah bekas ahli Al-Arqam.

Lain daripada itu, budaya poligami daripada perspektif Al-Arqam boleh dilihat melalui penulisan Nur S. Biedyn Beseri yang bertajuk *Kahwin Cara Arqam*.⁴⁴ Buku ini mengisahkan pengalaman wanita Al-Arqam menempuh perkahwinan yang diatur oleh Jabatan Kebajikan Al-Arqam. Penulis memberikan gambaran terhadap kaedah

⁴³ Mohd. Lazim Lawee, *Penyelewengan Jemaah Al-Arqam dan Usaha Pemurniannya*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

⁴⁴ Nur S. Biedyn Beseri, *Kahwin Cara Arqam*, Trans Media Publications, Klang, 1992.

serta proses yang dilakukan oleh Al-Arqam dalam menjalani amalan perkahwinan monogamy dan poligami. Secara umumnya, wanita Al-Arqam yang telah mencapai umur 25 tahun dikehendaki untuk berkahwin bagi mengembangkan lagi keluarga dalam komuniti masyarakat Al-Arqam. Terpulang kepada wanita berkenaan sama ada untuk memilih teman hidupnya atau menyerahkan urusan tersebut kepada jabatan berkenaan untuk melaksanakannya. Lazimnya ahli Al-Arqam akan menyerahkan segala urusan kahwin termasuk kahwin poligami kepada pegawai Jabatan Kebajikan atau ketua mereka.

Pada waktu yang sama, dalam menyelusuri latar belakang Ashaari Muhammad yang menjadi pengasas kepada Al-Arqam, pengkaji meninjau tulisan daripada Abdul

Latip Talip yang menulis tiga buah buku berkaitan dengan Ashaari Muhammad dan Al-Arqam. Antaranya adalah buku yang berjudul *Ashaari Muhammad: Pengarang, Pemimpin, Pendakwah, 7 Tahun di Luar Negara dan Perjuangan Belum Selesai*.⁴⁵

Ketiga-tiga buku tersebut mengisahkan latar belakang Ashaari Muhammad bermula daripada zaman kanak-kanak sehingga mengasaskan Al-Arqam. Jalan cerita yang digunakan penulis berbentuk cerita memberikan penghayatan kepada pengkaji untuk mendalami susur galur kehidupan Ashaari Muhammad. Walaupun begitu, buku tersebut tidak bersifat ilmiah dan kajian kerana hanya ditulis mengikut pengalaman seseorang. Namun, buku tersebut membantu serba sedikit kepada pengkaji dalam memahami rentetan kronologi jatuh bangunnya Al-Arqam.

⁴⁵ Abdul Latip Talip, *Pengarang, Pemimpin, Pendakwah; 7 Tahun di Luar Negara; Perjuangan Belum Selesai*, Latip dan Keluarga Enterprise, 2017.



Di samping itu, pengkaji juga merujuk satu kajian yang bertajuk *Suatu Kajian Terhadap Akidah Bekas Ahli-ahli Darul Arqam di Negeri Perlis Selepas Pengharamannya* oleh Nazri bin Hassan pada tahun 2007.⁴⁶ Kajian ini meninjau pegangan akidah yang melibatkan bekas ahli Al-Arqam pasca pengharamannya. Kajian ini tertumpu kepada bekas ahli Al-Arqam yang berada di negeri Perlis sahaja. Hasil daripada dapatan kajian tersebut, pengkaji mendapati terdapat tiga kumpulan yang terhasil daripada bekas pengikut Al-Arqam. Kumpulan pertama adalah terdiri daripada mereka yang telah bertaubat dan tidak lagi mengikuti ajaran Ashaari Muhammad manakala kumpulan kedua adalah terdiri daripada mereka yang telah bertaubat tetapi masih bersimpati dengan Ashaari Muhammad. Kumpulan yang ketiga pula adalah kumpulan yang masih setia dan taksub dengan Ashaari Muhammad serta taat setia berjuang bersamanya.



Selanjutnya, kajian yang turut melibatkan kegiatan Al-Arqam adalah *Keberkesanan Pelaksanaan Fatwa Dalam Menangani Aliran-aliran Kepercayaan di Malaysia: Kajian Kes Terhadap Al-Arqam dan Ahmadiyah Qadiani* oleh Farahwahida Mohd Yusof.⁴⁷ Dalam kajian ini, pengkaji mengupas mengenai beberapa topik berkaitan fatwa yang telah diwartakan terhadap Al-Arqam dan Ahmadiyyah Qadiani. Kajian ini tertumpu kepada keberkesanan pelaksanaan fatwa yang diwartakan dan mengenal pasti kelemahan pihak berkuasa dalam membendung ajaran ini daripada terus diamalkan. Selain itu, penulis turut menghuraikan faktor-faktor yang menyumbang

⁴⁶ Nazri Hassan, *Suatu Kajian Terhadap Akidah Bekas Ahli-ahli Darul Arqam di Negeri Perlis Selepas Pengharamannya*, Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.

⁴⁷ Farahwahida Mohd Yusof, *Keberkesanan Pelaksanaan Fatwa Dalam Menangani Aliran-aliran Kepercayaan di Malaysia: Kajian Kes Terhadap Al-Arqam dan Ahmadiyah Qadiani*, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.





kepada perkembangan semula aliran ajaran sesat Al-Arqam. Ketaksuhan ahli merupakan salah satu faktor yang memainkan peranan penting dalam usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam. Doktrinasi yang dilakukan semasa berada dalam Al-Arqam melahirkan ahli yang taat setia kepada Ashaari Muhammad walaupun pendedahan tentang penyelewengannya telah dilakukan.

Dalam pada itu, Farahwahida dalam bukunya *Al-Arqam & Ajaran Aurad Muhammadiyah* memberikan penjelasan terhadap kesesatan Ashaari Muhammad dan pengikutnya melalui penyelewengan Aurad Muhammadiyah.⁴⁸ Walaupun media massa telah mendedahkan sedikit sebanyak penyelewengan yang berlaku di dalam Al-Arqam, tetapi pendedahan tersebut masih belum cukup untuk menutup mulut masyarakat daripada menyalahkan pihak berkuasa terhadap kejatuhan empayar ekonomi Al-Arqam. Hal ini kerana, kegiatan ekonomi Al-Arqam dianggap mewakili ekonomi Melayu Islam pada ketika itu. Oleh itu, penulis memberikan penjelasan secara terperinci terhadap penyelewengan Aurad Muhammadiyah yang menjadi penyebab utama kesesatan dan pengharaman Al-Arqam.

Manakala Abdullah Fahim turut mengaitkan ajaran sesat dengan fenomena Al-Arqam dalam kajiannya yang bertajuk *Satu Amalan Perbandingan Antara Doktrin-doktrin dalam Ajaran Taslim, Ajaran Ahmad Laksamana dan Tareqat Naqsyabandiah Kadirun Yahya*.⁴⁹ Pengkaji mengatakan selain daripada ajaran lain yang terdapat di

⁴⁸ Farahwahida Mohd Yusof, *Al-Arqam & Ajaran Aurad Muhammadiyah Satu Penilaian*, Skudai Johor, Universiti Teknologi Malaysia, 2007.

⁴⁹ Abdullah Fahim, *Satu Amalan Perbandingan Antara Doktrin-doktrin dalam Ajaran Taslim, Ajaran Ahmad Laksamana dan Tareqat Naqsyabandiah Kadirun Yahya*, Utusan Qiblat, 1990.



Malaysia, Al-Arqam termasuk salah satu kumpulan ajaran sesat yang degil dalam mempertahankan doktrin yang dipegang. Kedegilan yang ditunjukkan oleh Ashaari Muhammad dan pengikutnya adalah pegangan mereka terhadap amalan tareqat Aurad Muhammadiyah. Malah ketaksuhan pengikut kepada pemimpin menjadikan ideologi yang diterapkan di dalam Al-Arqam sukar untuk dihilangkan daripada pemahaman dan keyakinan pengikut.

Dalam pada itu, tulisan Abdul Rahman Abdullah dalam bukunya *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran Jemaat Tabligh & Darul Arqam* adalah berkisarkan tentang sejarah dan pemikiran gerakan Islam khususnya dalam jemaah Tabligh dan Darul Arqam.⁵⁰ Tulisan yang dimuatkan dengan dua bahagian ini memaparkan perkembangan aliran pemikiran Al-Arqam serta kepercayaan dan amalan-amalan yang terdapat di dalamnya. Penulis memberi tumpuan khusus kepada persoalan Syeikh As-Suhaimi adalah bakal Imam Mahdi yang didakwa oleh Ashaari Muhammad. Bagi Al-Arqam, Syeikh Suhaimi sebenarnya tidak mati sebagaimana yang didakwa, tetapi ghaib dan didakwa sedang bermeditasi di hutan belantara Alas Kotonggo, Jawa Indonesia.

Konsep dan dakwaan Imam Mahdi ini juga turut dibincangkan oleh Muliade bin Umat dalam kajiannya iaitu *Konsep Al-Mahdi: Satu Analisis Terhadap Pandangan Pertubuhan Al-Arqam*. Selain itu, seorang lagi pengkaji iaitu Muhammad Saman turut membincangkan berkaitan dengan persoalan Imam Mahdi dalam kajiannya yang

⁵⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran Jemaat Tabligh dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur, Kintan Sdn. Bhd, 1992.



bertajuk *Siapakah Itu Imam Mahdi Sebenar-benarnya Ditunggu?*. Dalam kajian tersebut, mereka berdua menyifatkan bahawa konsep Al-Mahdi yang didakwa oleh Al-Arqam adalah suatu rekaan semata-mata malah ia merupakan suatu *bidaah* yang sesat lagi menyesatkan.⁵¹ Dakwaan Ashaari Muhammad terhadap Syeikh Suhaimi bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan beliau sebagai pemimpin utama di dalam Al-Arqam. Selain itu, dakwaan tersebut juga bermatlamat untuk mengukuhkan lagi keyakinan dan kepercayaan pengikutnya terhadap penyelewengan Ashaari Muhammad yang lain.

Pada waktu yang sama, terdapat juga satu kajian yang dilakukan oleh Nurul Ayu Bakar & Ahmad Yunus Mohd Noor yang bertajuk *Tahap Kefahaman dan Persepsi Masyarakat terhadap Global Ikhwan Sdn. Bhd.*⁵² Kajian ini dijalani di Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Dapatan kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu di Tasek Gelugor jelas mengetahui kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh GISB. Namun tahap kefahaman masyarakat tentang ajaran yang diamalkan oleh ahli GISB amat kurang dan ada segelintir yang tidak tahu sejarah asal usul penubuhan GISB. Hal ini membuktikan bahawa wujud kelompok yang kurang mendapat maklumat dan pendedahan berkaitan dengan ajaran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Oleh itu, kelompongan ini harus segera diambil perhatian oleh pihak berwajib agar masyarakat tidak mudah terjebak dengan ajaran yang sesat.

⁵¹ Muliade Umat@Bidin, *Konsep Al-Mahdi: Satu Analisis Terhadap Pandangan Pertubuhan Al-Arqam*, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 2001.

⁵² Nurul Ayu Bakar & Ahmad Yunus Mohd Noor, *Tahap Kefahaman dan Persepsi Masyarakat Terhadap Global Ikhwan Sdn. Bhd.*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 2015.





Lain daripada itu, salah seorang tokoh sarjana luar iaitu Judith Nagata dalam bukunya *The Reflowering of Malaysian Islam* telah mengkaji mengenai kebangkitan semula Islam di Malaysia.⁵³ Penulis menganalisis Al-Arqam daripada pelbagai aspek seperti objektif perjuangan, organisasi kepimpinan, sistem pendidikan dan dakwah, aktiviti ekonomi, dan kegiatan sosial. Penulis melihat Al-Arqam sebagai sebuah kumpulan yang menyediakan sistem atau cara hidup yang syumul sebagai suatu agama, di mana agama dan sosial telah disatukan tanpa ada pemisahan. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi sistem pendidikan agamanya yang menerapkan Bahasa Arab, adat orang Islam dan penghayatan amal ibadat yang merangkumi fardu ain dan kifayah.

Selanjutnya, terdapat satu kajian oleh Zamri bin Abdul Halim daripada cawangan aqidah bahagian penyelidikan JAKIM yang bertajuk *Usaha-usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation (SRC) dan Lain-lain Syarikat*.⁵⁴ Dalam dapatan kajian tersebut, penulis mendapati terdapat usaha yang dilakukan untuk menghidupkan semula Al-Arqam melalui penubuhan syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Rufaqa Corporation (SCR). Dalam meluaskan rangkaian perniagaannya, SRC memanfaatkan teknologi melalui media massa yang berfungsi sebagai alat untuk menghebahkan segala aktiviti SRC di seluruh Malaysia termasuk negara luar. Penulis juga menyatakan terdapat kegiatan SRC yang menyerupai Al-Arqam serta wujud dakwaan baru Ashaari Muhammad dalam SRC. Kesemua kegiatan dan dakwaan tersebut akhirnya diharamkan kerana menyerupai Al-Arqam.

⁵³ Judith Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam*, Vancouver, University of Columbia Press, 1984.

⁵⁴ Zamri Abdul Halim, *Usaha-usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation dan Lain-lain Syarikat*, Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2006.





Selain itu, tulisan oleh Zabidi Mohamed yang bertajuk *Tersungkur di Pintu Syurga*, terbitan daripada Zabidi Publication pada tahun 1998.⁵⁵ Buku tersebut merupakan penjelasan terhadap kesesatan Al-Arqam daripada pengalaman penulis yang juga merupakan salah seorang bekas pemimpin kanan Al-Arqam. Beliau menjelaskan secara langsung daripada kaca mata seorang bekas ahli Al-Arqam berkaitan dengan modus operandi yang digunakan dalam kegiatan sosiekonomi Al-Arqam. Selain itu, penulis juga turut mendedahkan tentang ideologi dan doktrinisasi yang dilakukan oleh Ashaari Muhammad semasa menjadi pemimpin utama di dalam Al-Arqam. Walaupun begitu, buku tersebut tidak bersifat ilmiah dan kajian kerana hanya ditulis mengikut pengalaman seseorang. Namun, buku tersebut membantu serba sedikit kepada pengkaji dalam memahami rentetan kronologi penangkapan dan pengharaman kepada Al-Arqam.



Dalam pada itu, Chandra Muzaffar dalam kajiannya yang bertajuk *Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia* mengetengahkan penulisan berkaitan dengan kebangkitan semula gerakan Islam di Malaysia.⁵⁶ Antara gerakan kumpulan Islam yang disentuh oleh penulis adalah Al-Arqam. Ketika membincangkan Al-Arqam, penulis menyatakan meskipun Al-Arqam mempunyai syruktur organisasi seperti jemaah yang lain tetapi ia merupakan satu kumpulan yang unik. Hal ini demikian kerana Al-Arqam berjaya mewujudkan satu komuniti masyarakat Islam tradisional yang lengkap dengan pusat perkampungan, komuniti masyarakat, identiti ahli, kegiatan sosial, masjid dan kedai runcit yang menjadi milik persendirian kumpulan itu. Penulis melihat Al-Arqam

⁵⁵ Zabidi Mohamed, *Tersungkur di Pintu Syurga*, Zabidi Publication, Kuala Lumpur, 1998.

⁵⁶ Chandra Muzaffar, *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1988.





sebagai sebuah gerakan tradisional dan ortodoks iaitu berpegang dengan kepercayaan dan amalan tanpa soal jawab terhadap idea, nilai dan gaya hidup sebagaimana masyarakat umum yang lain.

Dalam kajian yang lain pula, Hussin Mutalib dalam kajiannya yang bertajuk *Islam and Ethnicity in Malay Politics*,⁵⁷ iaitu perbicaraan mengenai Islam dan keetnikan dalam politik Melayu telah menyentuh sedikit mengenai Al-Arqam. Penulis membincangkan serba sedikit mengenai latar belakang, struktur organisasi, kepimpinan dan kegiatan yang dijalankan oleh Al-Arqam seperti kegiatan ekonomi, sosial dan politik. Penulis ketika membincangkan tentang sosioekonomi Al-Arqam menyifatkan bahawa sesebuah perkampungan yang dibina oleh Al-Arqam bukan sahaja sebagai tempat tinggal malah ia merupakan sebuah tempat untuk masyarakat menjalankan kehidupan sehari-hari.

Manakala dalam kajian bertajuk *Pendidikan dan Persekolahan di Al-Arqam 1975-1985: Dasar Pelaksanaan dan Kesan di Sungai Penchala*⁵⁸ oleh Raja Zahri Raja Bidin membincangkan berkaitan dasar, matlamat dan kegiatan pendidikan Al-Arqam serta cuba menghubung kaitkannya dengan pemikiran Ashaari Muhammad. Penulis turut menyatakan sistem pentadbiran, kurikulum, ko-kurikulum, dan sukanan mata pelajaran menyumbang kepada pembentukan akhlak dan pemikiran para pengikut Al-Arqam. Penulis mendapati bahawa sekolah adalah bayangan jemaah itu sendiri, serta

⁵⁷ Hussin Mutalib, *Islam And Ethnicity In Malay Politics*, Singapura; Oxford Universiti Press, 1990.

⁵⁸ Raja Zahri Raja Bidin, *Pendidikan dan Persekolahan Di Arqam 1975-1985: Dasar Pelaksanaan dan Kesan di Sungai Penchala, Wilayah Persekutuan*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1992.





menjadi tempat memupuk pengetahuan, kefahaman dan melahirkan pejuang. Ini bererti perjalanan Al-Arqam dan falsafah pendidikannya diselaraskan dengan matlamat perjuangan Al-Arqam. Oleh itu, segala penyusunan yang melibatkan pengurusan dan pentabiran berkaitan dengan pendidikan di dalam Al-Arqam diselaraskan dengan hala tuju dan matlamat Al-Arqam itu sendiri.

Seterusnya dalam mengkaji karisma dan pemikiran Ashaari Muhammad pula, Dayang Rosimah Awang Tengah ada menyatakan dalam penulisannya yang bertajuk *Karisma Ashaari Muhammad Dalam Kepimpinan Al-Arqam*.⁵⁹ Dalam kajian ini, penulis menumpukan perhatian kepada kepimpinan Ashaari Muhammad sebagai seorang ketua yang mursyid memimpin Al-Arqam. Bermula sebagai seorang guru, Ashaari Muhammad akhirnya berjaya menjadi seorang pemimpin kepada sebuah kumpulan yang berpengaruh di Malaysia. Penulis turut menyatakan tujuan peribadi Ashaari Muhammad menggunakan pelbagai mekanisme seperti mampu bercakap dengan Rasulullah SAW dalam keadaan sedar dan mempunyai kuasa ajaib hanyalah semata-mata untuk mengangkat martabatnya sebagai seorang ketua yang mempunyai kuasa mutlak di dalam Al-Arqam.

Selain itu, Zurina Basri dalam kajiannya yang bertajuk *Darul Arqam: Kegiatan Ekonomi Sebelum dan Selepas Pembubaran Gerakannya oleh Kerajaan* mengkaji tentang kegiatan ekonomi Al-Arqam.⁶⁰ Penulis membincangkan tentang aktiviti dan

⁵⁹ Dayang Rosimah Awang Tengah, *Karisma Ashaari Muhammad Dalam Kepimpinan Al-Arqam*, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1994.

⁶⁰ Zurina Basri, *Darul Arqam: Kegiatan Ekonomi Sebelum dan Selepas Pembubaran Gerakannya Oleh Kerajaan*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 1995.



dasar ekonomi yang bermula dengan ekonomi sara diri kemudiannya beralih kepada ekonomi komersial dan akhirnya menjadi ekonomi yang mempunyai matlamat ke arah pembentukan Daulah Islam. Penulis juga menyatakan sistem ekonomi Al-Arqam dianggap menepati sistem ekonomi Islam dalam pelaksanaannya. Walaupun begitu, penulis menyatakan di sebalik kejayaan ekonomi Al-Arqam terdapat juga kelemahan yang disebabkan oleh dua faktor utama. Faktor pertama adalah amalan ekonomi dasar tertutup manakala faktor kedua adalah pentadbiran kewangan yang tidak efisyen. Dua faktor ini menyebabkan kurangnya kebebasan berfikir secara meluas serta pengurusan wang dalam perniagaan ekonomi Al-Arqam tidak mempunyai rekod keluar masuk.

Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri melalui

Pusat Islam (sekarang dikenali sebagai JAKIM) pula mendedahkan tentang fenomena penyelewengan yang dilakukan oleh Al-Arqam. Menerusi buku keluarannya yang bertajuk *Penyelewengan Arqam Dari Ajaran Islam*⁶¹ dengan tegas menyatakan Al-Arqam telah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Malah dinyatakan bahawa para mufti di seluruh Malaysia juga mengeluarkan fatwa pengharamannya. Pewartaan fatwa terhadap pengharaman Al-Arqam tersebut menjadikan seluruh kegiatan yang melibatkan Al-Arqam di seluruh negara telah dihentikan.

Secara ringkasnya, penulisan yang telah diterbitkan sepanjang 2 dekad telah memberikan sedikit sebanyak maklumat dan penerangan kepada masyarakat umum

⁶¹ Koleksi Risalah Pewartaan Pengharaman Al-Arqam oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Warta Kerajaan Malaysia, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1994.



berkaitan dengan Al-Arqam. Walaupun begitu, perbincangan terperinci terhadap pengaruh Al-Arqam di dalam kegiatan sosioekonomi GISB kurang dilakukan. Sehingga kini menjadi tanda tanya di dalam masyarakat sama ada ajaran Al-Arqam masih lagi diamalkan ataupun sudah lenyap kesan daripada pengharamannya. Justeru itu, kajian ini menonjolkan hasil dapatan daripada perspektif yang lain berbanding dengan kajian yang sedia ada. Seterusnya menjadikan tafsiran dan gambaran masyarakat terhadap pengaruh Al-Arqam dalam GISB semakin jelas dan terang. Akhir sekali, satu dapatan dan pandangan baru dapat dihasilkan sekaligus memberikan pencerahan terhadap kesamaran dan kekeliruan masyarakat terhadap Al-Arqam pasca pengharamannya.



1.10 Pembahagian Bab

Kajian ini mengandungi lima bab yang mempunyai objektif yang berbeza. Antaranya adalah seperti berikut:

Bab 1

Bab 1 merupakan pengenalan terhadap kajian yang dilakukan secara umum dan menyeluruh. Dalam bab ini penjelasan dilakukan terhadap pendahuluan, latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, sorotan kajian, pembahagian bab, dan definisi istilah.





Bab 2

Bab 2 merupakan penerangan berkenaan latar belakang penubuhan Al-Arqam pada tahun 1968 sehingga kepada pengharamannya di Malaysia pada tahun 1994. Perkara yang diberi tumpuan adalah berkaitan dengan sejarah penubuhan, organisasi, perkembangan dan justifikasi kesesatan Al-Arqam oleh pihak berkuasa sehingga membawa pengharamannya secara menyeluruh.

Bab 3

Bab 3 merupakan perbincangan terhadap penubuhan GISB dan SRC pasca pengharaman Al-Arqam pada tahun 1994. Dalam bab ini, pengkaji membincangkan kronologi penubuhan syarikat perniagaan yang dilakukan oleh Ashaari Muhammad selepas Al-Arqam diharamkan iaitu bermula dengan penubuhan SRC kemudiannya GISB. Oleh itu, pengkaji menerangkan secara terperinci terhadap penubuhan SRC dan GISB daripada aspek penubuhan, pentadbiran, organisasi, perniagaan, kegiatan sosial, kegiatan ekonomi dan pendekatan serta strategi yang dilakukan dalam usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam.

Bab 4

Bab 4 merupakan analisis terhadap pengaruh Al-Arqam dalam perkembangan GISB daripada aspek sosial dan ekonomi. Dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara terperinci terhadap fahaman dan ideologi Al-Arqam yang mempengaruhi keyakinan dan kepercayaan ahli GISB. Selain itu, pendedahan terhadap doktrinisasi daripada aspek peraturan dan sistem pelaksanaan syarikat juga dilakukan. Selain itu, pengkaji membuat penilaian secara kritikal terhadap semua dakwaan dan





kegiatan yang dilakukan oleh Ashaari Muhammad dan ahli GISB terhadap usaha menghidupkan semula ajaran Al-Arqam.

Bab 5

Bab 5 merupakan penilaian terhadap implikasi daripada pengaruh Al-Arqam terhadap perkembangan sosioekonomi GISB dan masyarakat luar. Tumpuan dilakukan secara menyeluruh terhadap sistem kehidupan sosial dan ekonomi yang dilaksanakan di dalam GISB. Selain itu kesan kepada masyarakat luar dan isu berkaitan dengan keselamatan negara juga turut menjadi perhatian dalam bab ini. Oleh itu, analisis terhadap implikasi daripada pengaruh Al-Arqam dalam bab ini memberikan gambaran kepada dapatan akhir kajian ini.



Bab 6

Bab 6 merupakan kesimpulan yang dilakukan secara terperinci dan menyeluruh. Dalam bab ini, pengkaji menjelaskan dapatan kajian secara umum dan menyeluruh bagi setiap objektif kajian yang ingin dicapai. Selain itu, pengkaji juga memberikan cadangan terhadap permasalahan yang timbul hasil daripada dapatan kajian ini.





1.11 Definisi Istilah

Kajian ini menggunakan beberapa istilah seperti berikut;

1.7.1 Sosioekonomi

Sosioekonomi merupakan suatu hubungan antara aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial yang menggunakan teori dan kaedah daripada disiplin ilmu sosiologi, ekonomi, sejarah dan psikologi. Sosioekonomi tertumpu kepada kesan sosial sesetengah jenis perubahan ekonomi. Perubahan tersebut memberikan kesan kepada aspek sosial pada suatu masyarakat kecil hingga mampu memberikan perubahan kepada keseluruhan masyarakat.



Ideologi adalah sebuah istilah yang lahir pada akhir abad ke-18 atau tahun 1796 yang diperkenalkan oleh seorang ahli falsafah Perancis bernama Destutt de Tracy dan kemudiannya digunakan oleh Napoleon. Istilah ideologi adalah gabungan daripada dua perkataan iaitu *ideos* yang bermaksud gagasan dan *logos* yang bermaksud ilmu. Oleh itu, ideologi membawa erti sebagai sebuah ilmu tentang gagasan masa depan yang lahir daripada matlamat dan cita-cita seseorang. Berbeza dengan Islam yang merupakan agama dengan menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai rujukan utama. Islam adalah agama yang menitik beratkan berkaitan dengan pegangan akidah pada setiap umatnya.





1.7.3 Doktrinisasi

Istilah doktrinisasi berasal dari perkataan bahasa Inggeris iaitu *doctrine* yang bermaksud pegangan dan ajaran. Doktrin bukan suatu pegangan agama namun boleh bertukar menjadi keyakinan dan pegangan agama apabila seseorang itu menjadi taksub terhadap pekara yang didoktrin. Penerapan atau penanaman doktrin sering kali dijadikan sebagai alat atau strategi bagi mempengaruhi dan menguasai manusia melalui aspek prinsip pegangan atau pemikiran seseorang.

1.7.3 Modernisasi

Modernisasi bermaksud kemajuan atau proses untuk menjadi moden. Modernisasi juga merupakan satu konsep dalam ruang lingkup sains sosial yang merujuk kepada proses sesebuah masyarakat melalui proses industrialisasi dalam pembangunan ekonomi yang mengubah kehidupan individu atau masyarakat. Istilah ini digunakan bagi merujuk proses pembangunan masyarakat atau negara yang sedang membangun. Daniel Lerner (2000) berpendapat modernisasi juga satu proses perubahan sosial dan kompenan ekonominya ialah pembangunan dan urbanisasi atau perbandaran.

1.7.4 Urbanisasi

Urbanisasi bermaksud proses perubahan sesuatu kawasan daripada luar bandar kepada bandar. Pembandaran juga berlaku apabila penempatan bandar berkembang menjadi lebih besar dan kompleks. Sifatnya bermula daripada sebuah perkampungan menjadi bandar kecil dan kemudian menjadi bandar





sederhana akhirnya menjadi bandaraya. Konsep urbanisasi berlaku apabila jumlah penduduk bertambah, saiz penempatan bandar semakin besar, berlaku pembangunan ekonomi dan perubahan cara hidup penduduk daripada tradisional kepada lebih moden.

1.7.5 Dakwah

Dakwah daripada sudut bahasa bermaksud mengajak manusia kepada Islam sama ada secara teori atau praktikal. Perkataan dakwah berasal daripada perkataan Arab yang bererti mengajak, menyeru, memanggil atau membimbangi kepada sesuatu pekara. Manakala daripada segi istilah pula, dakwah bermaksud menyeru manusia agar beriman kepada Allah SWT serta beriman dengan apa yang dibawa oleh para Rasul-Nya dengan membenarkannya serta taat kepada perintah Rasul.

1.7.6 Sosioagama

Sosioagama merupakan salah satu sub-disiplin dalam sosiologi yang memfokuskan kepada interaksi kehidupan sosial antara agama dan masyarakat. Sosioagama tertumpu kepada kesan sosial hasil daripada pengamalan sesebuah agama dalam sesebuah masyarakat. Pengamalan tersebut memberikan kesan kepada aspek sosial seseorang individu sehingga mampu memberikan perubahan kepada keseluruhan masyarakat seperti tingkah laku, sistem kehidupan dan kepercayaan terhadap sesuatu pekara.



1.7.7 Khawariqul Addah

Khawariqul addah dari segi bahasa membawa maksud kemampuan luar biasa.

Dalam kepercayaan pengikut Al-Arqam, proses terjadinya Daulah Islamiah yang dinanti-nantikan adalah melalui proses khawariwul addah sebagaimana yang diberitahu oleh Ashaari Muhammad sebagai pemimpin mereka. Kemampuan luar biasa tersebut dikatakan merupakan mesej yang disampaikan kepada Ashaari Muhammad ketika beryaqazah dengan Nabi Muhammad SAW. Proses khawariqul addah ini berlaku apabila Perdana Menteri Malaysia diambil alih oleh Ghafar Baba selepas Mahathir dan menyerahkannya kepada Ashaari Muhammad untuk menjadi memimpin daulah Islamiah Al-Arqam.

Konsep syura merujuk kepada sesuatu keputusan yang dibuat dan diputuskan dengan cara bermesyuarat, yakni mengambil pandangan serta pendapat daripada semua pihak. Pendekatan syura digunakan untuk mencari penyelesaian dan keputusan yang terbaik terhadap sesuatu perkara yang dibincangkan. Kaedah ini berbeza dengan amalan demokrasi yang meletakkan suara majoriti pada kedudukan yang paling utama.

1.7.9 Syukbah

Syukbah merupakan jabatan pentadbiran dalam urusan pengurusan dan pentadbiran Al-Arqam. Terdapat 12 syukbah yang terdapat dalam Al-Arqam yang mana setiap syukbah diketuai oleh Amir yang juga bertindak sebagai



mudir. Syukbah-syukbah tersebut terbahagi kepada dua kategori yang bergantung kepada fungsi dan matlamatnya iaitu pembangunan insan dan pembangunan material.

1.7.10 Maash

Maash berasal daripada perkataan *maasyan* yang bermakna sara hidup. Melalui sistem ini, ganjaran ataupun pendapatan diberikan berdasarkan keperluan hidup dan tanggungan semasa seperti saiz keluarga serta tugas seseorang dalam jemaah. Maash yang dilaksanakan merupakan sistem pembayaran gaji yang dilakukan kepada anggotanya yang bekerja atau berkhidmat sepenuh masa dengan Jemaah selaku majikannya. Namun pembayaran yang dibuat di bawah sistem ini bukan upah di atas pekerjaan yang dilakukan oleh anggotanya. Tetapi merupakan suatu pembelaan dan sara hidup terhadap khidmat yang dicurahkan kepada Jemaah. Aktiviti dan pekerjaan yang dilakukan itu lebih berupa perjuangan untuk menegakkan Islam yang menjadi cita-cita jemaah.

1.12 Kesimpulan

Pengharaman Al-Arqam bukanlah satu pengakhiran kepada Ashaari Muhammad bersama pengikutnya malah menjadi satu titik permulaan bagi mengorak langkah dalam dunia pembangunan sosioekonomi masyarakat. Berdasarkan pengalamannya dalam menerajui Al-Arqam selama beberapa dekad, Ashaari dilihat lebih peka dalam menguruskan komuniti masyarakat yang dipimpinnya khususnya melibatkan campur





tangan daripada pihak berkuasa. Penerapan daripada pengaruh Al-Arqam di dalam GISB dilakukan secara berhati-hati dan penuh berstrategi melalui penonjolan kepada kegiatan sektor perniagaan. Pada masa yang sama, pengaruh daripada Al-Arqam turut memberikan pelbagai implikasi sama ada positif ataupun sebaliknya. Justeru itu, kajian ini memberikan tumpuan kepada latar belakang Al-Arqam yang mempengaruhi GISB melalui fahaman ideologinya dan seterusnya pemerhatian kepada implikasi pengaruh tersebut terhadap perkembangan sosioekonomi GISB dan masyarakat luar.

